

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) DAN PELANTIKAN PENGARAH PROJEK BAGI PROJEK PEMBINAAN BAHARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT GORAM, KAPIT, SARAWAK YANG MENGANDUNGI 36 BILIK DARJAH DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN MENGIKUT PIAWAI (REKA DAN BINA)

20 NOVEMBER 2026 | JUMAAT | 2.00 PETANG

<<< Salutasi akan diberikan oleh Urus setia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih atas jemputan untuk menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) dan Pelantikan Pengarah Projek bagi Projek Pembinaan Baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Goram, Kapit, Sarawak.

2. Saya turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kepercayaan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dalam melaksanakan projek ini, serta kepada jawatankuasa penganjur atas usaha menjayakan majlis hari ini.

3. Penyerahan SST ini merupakan langkah penting ke arah pembinaan sebuah sekolah menengah baharu yang mempunyai 36 bilik darjah serta kemudahan sokongan mengikut piawaian yang ditetapkan. Projek ini akan dilaksanakan secara reka dan bina. Sekolah ini bakal menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa, selamat dan kondusif bagi menyokong pengajaran dan pemudahcaraan berteraskan pendidikan abad ke-21.

MEMACU PELAKSANAAN PROJEK BERPRESTASI TINGGI

Hadirin yang saya hormati,

4. Antara cabaran utama industri pembinaan ialah projek sakit yang boleh meningkatkan kos dan melambatkan penyampaian manfaat kepada rakyat. Justeru, KKR memberikan penekanan kepada sasaran sifar projek sakit atau *Zero Sick Projects*, serta penyiapan projek lebih awal daripada jadual atau *Ahead of Time* (AOT).

5. Pencapaian sasaran ini memerlukan perancangan yang teliti, pemantauan berterusan dan tindakan segera terhadap masalah pelaksanaan. Usaha mempercepat penyiapan projek hendaklah sentiasa disertai pematuhan terhadap spesifikasi, piawaian kualiti dan keperluan keselamatan.

6. Kepada pihak kontraktor yang menerima SST pada hari ini, laksanakanlah amanah ini dengan penuh integriti dan tanggungjawab. Pastikan projek disiapkan dalam tempoh kontrak, menepati spesifikasi dan memenuhi tahap kualiti yang ditetapkan.

7. Perancangan hendaklah dibuat secara menyeluruh sejak peringkat awal, meliputi jadual kerja, bekalan bahan, tenaga kerja, jentera dan aliran tunai.

Semua keperluan ini perlu diurus dengan baik supaya kemajuan projek tidak terjejas.

8. Keselamatan di tapak bina hendaklah diberikan keutamaan sepanjang pelaksanaan projek. Pihak kontraktor perlu mematuhi peraturan, piawaian dan keperluan keselamatan yang ditetapkan oleh kementerian, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta pihak berkuasa berkaitan.

9. Pengarah Projek bersama pasukan penyeliaan pula berperanan memastikan pelaksanaan projek berjalan secara teratur. Pemantauan kemajuan kerja, pemeriksaan kualiti dan pengesanan awal masalah di tapak perlu dilaksanakan secara berterusan supaya tindakan pembetulan dapat diambil dengan segera.

10. Pada masa yang sama, kerjasama antara KPM, JKR, pihak kontraktor dan semua pihak yang terlibat perlu diperkukuh. Setiap isu hendaklah dimaklumkan dan diselesaikan melalui penyelarasan yang berkesan agar tidak berlarutan sehingga menjejaskan jadual pelaksanaan.

11. Saya yakin bahawa perancangan yang teliti, pengawasan yang berkesan dan kerjasama semua pihak akan membolehkan projek ini disiapkan

dengan baik serta memenuhi keperluan murid dan guru yang bakal menggunakan kemudahannya.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kontraktor yang menerima SST serta Pengarah Projek yang dilantik pada hari ini. Galaslah tanggungjawab ini dengan sebaik-baiknya demi menjayakan pembinaan sekolah yang dinantikan oleh masyarakat setempat.

13. Harapan saya agar pembinaan SMK Bukit Goram dapat memperluas akses kepada pendidikan menengah dan menyediakan kemudahan pembelajaran yang lebih baik untuk anak-anak di Kapit. Kejayaan projek ini kelak akan menyokong usaha KPM membangunkan potensi generasi muda melalui prasarana pendidikan yang berkualiti.

14. Dengan ini, saya merasmikan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima dan Pelantikan Pengarah Projek bagi Projek Pembinaan Baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Goram, Kapit, Sarawak.

Sekian, terima kasih.